

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

HSA 101 – Pengantar Sejarah

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja. **DUA [2]** soalan daripada Bahagian A dan **DUA [2]** daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Dengan merujuk kepada R.G. Collingwood dan E.H. Carr, bincangkan pandangan mereka tentang sejarah sebagai suatu bidang ilmu yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri.
2. Herodotus biasanya digelar ‘Bapa Sejarah’; tetapi pendekatan Thucydides terhadap kajian sejarah adalah lebih bersifat ilmiah dan mantap. Bincangkan.
3. Walaupun karya Raja Ahmad dan Raja Ali Haji iaitu Tuhfat al-Nafis, masih dibelenggukan dengan cara penulisan yang diwarisi turun-temurun bercorak tradisional, ia tetap menunjukkan ciri-ciri perubahan yang setanding dengan pensejarahan moden. Bincangkan.
4. Ranke telah berusaha untuk memaparkan sesuatu sepertimana ia benar-benar berlaku. Nilaikan sejauhmanakah beliau berjaya dalam usahanya itu.

BAHAGIAN B

5. Bincangkan tentang pensejarahan Melayu moden dan kenalpasti aliran penulisan mana yang dominan antara tahun 1906 sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua.
6. Siapakah Kaum Muda dan apakah kesan yang dibawa oleh golongan ini terhadap masyarakat Melayu pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua?
7. Bincangkan mengenai pengaruh neo-modernisme dalam masyarakat Melayu dalam aspek politik dan sosial.
8. Pemberontakan orang Melayu terhadap British di Perak, Pahang, Kelantan dan Trengganu pada asasnya bersifat primitif dalam ertikata Hobsbawm. Bincangkan.

--oo000oo--